

ISU 1:

Sebagaimana dimaklumi bahawa pelaburan ASB dan ASN telah difatwakan harus oleh Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan. Namun pada akhir-akhir ini ada pihak-pihak yang menyebarkan surat daripada Suruhanjaya Sekuriti dan juga kenyataan daripada pihak-pihak tertentu yang mengatakan bahawa ASB dan ASN adalah haram. Bagaimana percanggahan hukum seperti ini boleh berlaku?

PENJELASAN:

Perkara pertama yang perlu difahami dalam isu ini ialah perbezaan peranan antara Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI) dan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.

Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan merupakan badan pengeluar dan penyelaras hukum hakam dalam apa-apa perkara berkenaan dengan agama Islam yang bersifat nasional yang melibatkan kepentingan seluruh umat Islam.

Manakala Suruhanjaya Sekuriti pula adalah badan yang antara peranannya ialah membuat keputusan sama ada sesuatu sekuriti diklasifikasikan sebagai patuh syariah atau tidak patuh syariah (bukan hukum atau fatwa) berdasarkan garispanduan yang ditetapkan oleh pihak Suruhanjaya Sekuriti.

Metodologi yang digunakan oleh kedua-dua badan tersebut dalam membuat keputusan juga adalah berbeza.

Sebagai badan pengeluar hukum, Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan menggunakan kaedah-kaedah istinbat yang muktabar dalam membuat keputusan dengan bersumberkan kepada al-Quran, as-Sunnah, Ijmak dan Qiyyas, serta dalil-dalil lain yang diiktiraf syarak. Hukum atau fatwa yang dikeluarkan juga mengambil kira aspek-aspek lain yang muktabar seperti kepentingan umum, keperluan dan maqasid syariyyah dan siasah syar'iyyah.

Berbeza dengan metodologi Suruhanjaya Sekuriti dalam penyenaraian sekuriti patuh syariah yang antara lain mengadaptasi pendekatan kuantitatif yang menggunakan pakai tanda aras aktiviti perniagaan dan tanda aras nisbah kewangan. Sebagai contoh, tanda aras lima peratus (5%) digunakan bagi perniagaan perjudian dan perbankan konvensional, dan tanda aras 20% digunakan bagi perniagaan pembrokeran saham dan operasi hotel serta rumah penginapan. Untuk tanda aras nisbah kewangan, nisbah 33% diambil kira sebagai tanda aras.

Oleh itu sekuriti-sekuriti akan diklasifikasikan sebagai patuh syariah apabila aktiviti perniagaan dan nisbah kewangan mereka berada di bawah tanda aras. Tanda aras tersebut yang diletakkan oleh Suruhanjaya Sekuriti adalah tanda aras umum bagi memudahkan penyenaraian sekuriti patuh syariah dan tidak patuh syariah. Tanda aras tersebut adalah berasaskan kepada ijтиhad Suruhanjaya Sekuriti yang bukan bersifat qat'ie dan statik. Ia boleh berubah dengan berubahnya ijтиhad. Bahkan, tanda aras tersebut baru sahaja dibuat perubahan pada tahun 2013, di mana sebelum itu tanda aras yang digunakan untuk aktiviti perniagaan adalah 5%, 10%, 20% dan 25%, dan tidak mengambil kira nisbah kewangan.

Sebagai badan berautoriti dalam penyenaraian sekuriti patuh syariah, Suruhanjaya Sekuriti mengambil pendekatan yang objektif dalam mengklasifikasikan sekuriti patuh syariah berdasarkan

tanda aras yang telah ditetapkan, tanpa dipengaruhi elemen-elemen lain seperti siasah syar'iyyah, keperluan dan maslahat umum.

Justeru, Suruhanjaya Sekuriti tidak membuat sebarang pengecualian terhadap sekuriti yang tidak menepati tanda aras mereka. Oleh yang demikian, apabila skim pelaburan ASB dan ASN didapat tidak mematuhi tanda aras sebagaimana ditetapkan, ia tidak disenaraikan oleh Suruhanjaya Sekuriti sebagai patuh syariah.

Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan dalam keputusannya tidak terikat dengan tanda aras yang diletakkan oleh Suruhanjaya Sekuriti. Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan berdasarkan hujah-hujah syarak dan kaedah-kaedah fiqhiyyah dalam pengeluaran hukum, mempunyai ijтиhad secara jama'i dalam menilai sekuriti yang bercampur dengan aktiviti tidak patuh syariah khususnya dalam isu ASB dan ASN ini. Dalam hal ini, pandangan Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan adalah:

"... PNB tidak melabur dalam sektor yang berkaitan dengan arak dan judi. Percampuran hanya berlaku dalam sektor kewangan di mana 70% pelaburan menepati syariah, hanya 30% sahaja pelaburan dalam Maybank yang dianggap masih tidak comply dengan syariah. Dalam keadaan ini, pelaburan dalam sektor yang halal lebih banyak daripada yang haram. Menurut sebahagian besar fuqaha' iaitu Hanafi, Maliki, Shafi'i dan Hanbali, pendekatan untuk mengharuskan masyarakat Islam melabur dalam saham syarikat yang bercampur aktiviti halal dan haram adalah berasas. Ini kerana fuqaha' muktabar tidak mengharamkan syarikat sedemikian ketika menilai status syarikat yang dikongsi oleh orang Islam dan bukan Islam".

Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan juga menimbang faktor maslahat dan mudarat yang dijangka berlaku kesan daripada hukum yang dikeluarkan. Antara lain:

"... Maybank adalah satu institusi perbankan Islam terbesar di Asia Pasifik. Sekiranya PNB melepaskan pegangan dalam Maybank, ia bukan hanya akan meruntuhkan ekonomi pemegang saham yang majoriti adalah orang Melayu Islam, bahkan ia juga akan memberi kesan besar kepada situasi ekonomi negara dan banyak organisasi berkaitan orang Islam. Begitu juga peluang pekerjaan yang melibatkan 16,531 kakitangan Bumiputera Islam juga akan turut terjejas".

Dalam apa juu isu hukum hakam yang dibincang dan diputuskan yang melibatkan kepentingan nasional, faktor-faktor kemaslahatan, kemudharatan, kepentingan awam, siyasah syar'iyyah dan seumpamanya adalah perkara yang telah lama diamalkan oleh Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan. Tidak terkecuali dalam isu ASB dan ASN, faktor-faktor tersebut juga diambil kira. Hifz al-mal merupakan salah satu masalah dharuriyah yang perlu diberi perhatian serius oleh pemerintah (Ulil Amri). Soal kekuahan ekonomi umat adalah merupakan faktor penting kepada penerusan kemajuan umat Islam. Agama Islam menegah umatnya menjerumuskan diri dalam kemudharatan dan kefakiran yang boleh menggugat kekuatan ummah.

Dalam menentukan hujah keharusan Islam dalam pelaburan ASN dan ASB ini, adalah tidak tepat hujah bersandarkan maslahah ummah ditafsirkan sebagai mengenepikan prinsip-prinsip Islam kerana maslahah juga adalah prinsip Islam yang perlu dipegang dalam penentuan sesuatu hukum.

Prinsip pensyariatan Islam yang telah digariskan iaitu kewajipan menjaga lima(5) perkara iaitu agama, nyawa, akal, zuriat dan keturunan serta harta benda perlu dipertahankan kerana ia menjadi tunjang kehidupan seluruh umat Islam. Sekiranya terjejas salah satu daripada perkara ini, maka umat Islam akan ditimpa kehinaan yang akan menjelaskan agama dan kehidupan. Dalam

hal ini, hukum ke atas pelaburan ASN dan ASB tidak boleh dilihat dari aspek tertentu sahaja, tetapi perlu mengambil kira semua kesan yang akan dihadapi oleh agama dan umat Islam.

KESIMPULAN:

Kedua-dua badan iaitu Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan dan Suruhanjaya Sekuriti adalah badan yang berautoriti dalam bidang kuasa dan peranan masing-masing. Suruhanjaya Sekuriti mempunyai hak untuk tidak menyenaraikan ASB dan ASN sebagai patuh syariah kerana asas penyenaraian adalah tanda aras yang telah ditetapkan.

Selaras dengan fungsi Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan selaku badan yang bertanggungjawab dalam penentuan hukum hakam di peringkat nasional, maka keputusan hukum yang dikeluarkan adalah berpandukan kepada Ijtihad Jama'i dan konsensus semua ahli Jawatankuasa yang terdiri daripada mufti, alim ulama' dan pakar dalam pelbagai bidang, berdasarkan kepada kajian pakar-pakar ekonomi Islam dan penjelasan terperinci oleh pihak PNB sendiri (yang juga mempunyai Majlis Penasihat Shariah bagi meneliti semua aspek pelaburan yang dilaksanakan) tanpa terikat dengan garis panduan atau metodologi badan lain yang jelas mempunyai fungsi yang berbeza.

Pelaksanaan peranan Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan ini adalah seperti mana yang diperuntukkan di bawah Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri-Negeri, iaitu sekiranya isu yang berlaku menyentuh kepentingan nasional, maka pandangan/keputusan Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan perlu dirujuk terlebih dahulu sebelum sebarang fatwa dikeluarkan oleh negeri kerana matlamatnya ialah bagi mewujudkan penyelarasan dalam hukum hakam yang dikeluarkan di Malaysia.

Oleh itu, dalam isu hukum pelaburan ASB dan ASN ini, keputusan yang telah dikeluarkan oleh Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan pada tahun 2008 tidak sewajarnya dipertikai atau dibanding-bandingkan dengan keputusan mana-mana badan lain atau kenyataan pihak-pihak tertentu yang jelas berbeza samada dari segi fungsi dan autoriti, metodologi atau garispanduan yang digunakan.

Wallahu A'lam.

ISU 2:

Saya ingin mendapatkan penjelasan berhubung membuat pelaburan ASB melalui pinjaman dari bank konvensional. Adakah terdapat unsur riba?

PENJELASAN:

Membuat pinjaman dari bank konvensional yang berasaskan riba adalah haram untuk apa tujuan sekalipun sama ada kegunaan peribadi, pelaburan dan lain-lain. Ini kerana peminjam dari bank konvensional akan terlibat secara langsung dengan transaksi riba sedangkan ia adalah dosa besar yang diancam laknat oleh syarak.

Di dalam satu hadis sahih:

وَمُؤْكِلُهُ، وَكَاتِبُهُ، هَدَيْهُ عَلَيْهِ

Maksudnya: "Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam melaknat orang yang makan riba, orang yang memberi makan riba, orang yang merekodkan transaksi riba, dan dua orang yang menjadi saksi transaksi riba".

(Riwayat Muslim, 3/1219, no: 1598).

Peminjam dari bank-bank konvensional yang membayar faedah atas pinjaman yang diperoleh adalah termasuk dalam kalangan mereka yang memberi makan riba kepada pihak lain, dan boleh termasuk dalam ancaman hadis di atas.

Justeru dalam situasi tiada darurat, adalah haram bagi orang Islam sengaja mengambil pinjaman dari bank-bank konvensional. Ini kerana dalam konteks negara Malaysia, masyarakat Islam mempunyai pilihan yang banyak untuk mendapatkan pembiayaan dari bank-bank Islam atau bank-bank yang menawarkan perbankan secara Islam. Mereka yang tidak mempunyai modal dan memerlukan pinjaman untuk membuat pelaburan seperti dalam ASB, hendaklah memilih institusi kewangan Islam untuk mendapatkan pembiayaan sebagai alternatif kepada pinjaman berdasarkan riba.

Sekiranya pelabur telah meminjam dari bank-bank konvensional, dia hendaklah bertaubat daripada dosa tersebut kerana terlibat dengan riba, dan hendaklah berusaha untuk menukar pinjamannya daripada konvensional kepada pembiayaan Islamik.

Wallahu A'lam.

ISU 3:

Saya membuat pembelian unit saham ASB melalui pinjaman. Duit pinjaman tidak dikreditkan ke dalam akaun saya. Adakah saya perlu membayar zakat?

PENJELASAN:

Amanah Saham Bumiputra (ASB) adalah saham yang bersifat simpanan. Ini kerana nilai unitnya adalah kekal RM1 seunit. Oleh itu, pengiraan zakat ASB adalah mengikut zakat wang simpanan, iaitu sebanyak 2.5% daripada nilainya. Contoh: RM40,000 (Jumlah simpanan di ASB) x 2.5% = RM1000

Tetapi sekiranya pelaburan ASB adalah melalui pinjaman di mana pelabur tidak dapat mengeluarkannya sehingga pinjaman dibayar penuh, maka zakat tidak dikenakan. Ia dikira sebagai harta yang tidak mempunyai pemilikan yang sempurna kerana tidak bebas bertasarruf untuk membuat pengeluaran. Sehinggalah pinjamannya atau pembiayaannya diselesaikan dan peminjam memperoleh wang tersebut, maka dia perlu menzakatkannya setelah melalui haul. Walau bagaimanapun digalakkan untuk dikeluarkan zakat sejurus selepas menerima wang tanpa menunggu cukupnya haul.

KENYATAAN MEDIA
**MUZAKARAH JAWATANKUASA FATWA MAJLIS KEBANGSAAN BAGI HAL EHWAL
UGAMA ISLAM MALAYSIA MENGENAI ISU PELABURAN ASN DAN ASB**

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia memandang serius mengenai isu pelaburan ASB dan ASN yang sejak akhir-akhir ini menimbulkan keresahan kepada masyarakat awam berpunca daripada tindakan pihak-pihak tertentu menyebarkan bahawa Suruhanjaya Sekuriti mengatakan ASB dan ASN adalah tidak patuh syariah. Perkara pertama yang perlu difahami dalam isu ini ialah perbezaan peranan antara Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI), dan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia dan pihak manakah yang diberi autoriti dalam mengeluarkan hukum di Malaysia.

Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan yang ditubuhkan oleh Majlis Raja-Raja merupakan badan pengeluar dan penyelaras hukum hakam dalam apa-apa perkara berkenaan dengan agama Islam yang bersifat nasional yang melibatkan kepentingan seluruh umat Islam. Manakala Suruhanjaya Sekuriti pula adalah badan yang antara peranannya ialah membuat keputusan sama ada sesuatu sekuriti diklasifikasikan sebagai patuh syariah atau tidak berdasarkan garispanduan yang mereka tetapkan, bukan hukum atau fatwa.

Sepertimana semua sedia maklum Muzakarah Jawatankuasa Fatwa sejak dari tahun 2008 telah pun membincangkan isu pelaburan dalam ASN dan ASB dan telah memutuskan bahawa hukum melabur dalam Skim Amanah Saham Nasional (ASN) dan Skim Amanah Saham Bumiputra (ASB) serta dividen atau bonus yang diterima adalah harus. Keputusan yang dibuat ini adalah dengan melihat ruang lingkup yang luas bagi menjaga kepentingan dan maslahah umat Islam serta mengelakkan kemudharatan yang lebih besar terhadap sosio ekonomi Umat Islam.

Sebagai badan pengeluar hukum yang diberikan autoriti oleh Ulil Amri, Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan menggunakan kaedah-kaedah serta dalil-dalil yang diiktiraf syarak. Hukum atau fatwa yang dikeluarkan juga mengambil kira aspek-aspek lain yang muktabar seperti kepentingan umum, keperluan dan maqasid syariyyah dan siasah syar'iyyah. Berbeza dengan metodologi Suruhanjaya Sekuriti dalam penyenaraian sekuriti patuh syariah yang antara lain mengadaptasi pendekatan kuantitatif yang menggunakan pakai tanda aras aktiviti perniagaan dan tanda aras nisbah kewangan.

Sebagai badan yang diberikan peranan menentukan hukum hakam dalam isu-isu bersifat nasional seperti isu pelaburan ASN dan ASB ini, Jawatankuasa Fatwa melihat kekuahan ekonomi umat merupakan salah satu masalah daruriyah yang perlu diberi perhatian serius oleh pemerintah selaku Ulil Amri, lebih-lebih lagi dalam situasi ekonomi masakini, yang menampakkan umat Islam tertinggal jauh di belakang. Islam menegah umatnya menjerumuskan diri dalam kemudharatan dan kefakiran yang boleh menggugat kekuatan ummah.

Setiap hukum yang diputuskan bukan hanya melihat dari satu aspek tertentu sahaja dan tidak melibatkan sebarang tanda aras berbentuk angka untuk memutuskannya sebagai halal, harus atau haram. Tetapi hukum yang diputuskan perlu memenuhi tuntutan keadilan, maslahah, menghindar daripada kerosakan dan keruntuhan yang lebih besar.

Dalam menentukan hujah keharusan dalam pelaburan ASN dan ASB ini, ada pihak-pihak yang berceramah di sana sini mengatakan hukum yang dikeluarkan oleh Muzakarah tidak mengikut syarak kerana berhujah menggunakan maslahah. Adalah sangat tidak tepat jika ada pihak-pihak tertentu yang mendakwa bahawa hujah bersandarkan maslahah ummah mengenepikan prinsip-prinsip Islam kerana maslahah juga adalah prinsip Islam yang perlu dipegang dalam penentuan sesuatu hukum. Semua pihak perlu memahami bahawa prinsip pensyariatan Islam yang telah digariskan iaitu kewajipan menjaga lima(5) perkara iaitu agama, nyawa, akal, zuriat dan keturunan serta harta benda perlu dipertahankan kerana ia menjadi tunjang kehidupan seluruh umat Islam. Sekiranya terjejas salah satu daripada perkara ini, maka umat Islam akan ditimpa kehinaan yang akan menjelaskan agama dan kehidupan.

Dalam hal ini, hukum ke atas pelaburan ASN dan ASB tidak boleh dilihat dari aspek tertentu sahaja, tetapi perlu mengambilkira semua kesan yang akan dihadapi oleh agama, umat Islam dan negara.

Jawatankuasa Fatwa amat kesal sejak kebelakangan ini terdapat pihak-pihak tertentu yang cuba menimbulkan keraguan kepada masyarakat awam dengan memuatnaik surat daripada Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) (rekod surat-bertarikh 2009) yang mengatakan bahawa pelaburan ASN dan ASB sebagai tidak patuh syariah. Juga beberapa orang penceramah sentiasa membangkitkan isu haram melabur dalam ASN dan ASB ini dengan pelbagai hujah, dan dikatakan keputusan Muzakarah itu adalah menyimpang kerana ahlinya tidak mempunyai ilmu atau kepakaran dalam bidang ekonomi Islam. Semua pihak perlu maklum bahawa sebahagian daripada ahli Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan juga turut/pernah menjadi ahli pakar di Suruhanjaya Sekuriti.

Di media sosial, blog-blog dan facebook, golongan yang mengakui sebagai ahli pakar ini cuba menimbulkan keresahan kepada masyarakat awam terhadap status ASN dan ASB dengan merujuk kepada surat yang dikeluarkan oleh SC tersebut. Isu pelaburan ASN dan ASB ini merupakan perkara ijtihadi, yang sememangnya akan mengundang polemik dan perdebatan jika semua pihak yang mendakwa sebagai ahli pakar mahu menegakkan pandangan masing-masing tanpa menghiraukan peranan pihak yang diberi autoriti dalam menentukan hukum.

Sewajarnya mereka yang melabelkan diri sebagai intelektual Islam ini memahami isu ini secara menyeluruh dan hak-hak Ulil Amri kerana akibat daripada sikap mereka yang gemar dan sengaja mempertikaikan hukum yang telah dibuat telah menimbulkan keresahan yang meruncing di kalangan umat Islam.

Situasi ini memperlihatkan bagaimana gusar dan resahnya umat Islam apabila sesuatu isu yang

diperkatakan itu berkait dengan harta yang menjadi tonggak kelangsungan hidup setiap individu. Kegemparan yang ditimbulkan ini, hanya akan merugikan umat Islam sendiri. Adalah lebih bijak sesuatu perbezaan itu dibincang terlebih dahulu dengan pihak berkuasa daripada menimbulkan keresahan kepada masyarakat kerana Jawatankuasa Fatwa sentiasa bersikap terbuka dalam menerima pandangan yang positif dan konstruktif.

Keputusan hukum yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Fatwa adalah berpandukan kepada Ijtihad Jama'i dan konsensus semua ahli Jawatankuasa yang terdiri daripada para Mufti dan ahli-ahli pakar dalam bidang akidah, fiqh, hadith dan tafsir, muamalat dan sains, dan keputusan dibuat berdasarkan kajian pakar-pakar ekonomi Islam dan penjelasan terperinci oleh pihak pengurusan tertinggi PNB dan juga Majlis Penasihat Shariah PNB sendiri yang terdiri daripada pakar-pakar dan ulama berwibawa tanpa terikat dengan garis panduan atau metodologi badan lain yang jelas mempunyai fungsi yang berbeza.

Oleh itu, Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan menasihatkan pihak-pihak berkenaan khususnya penceramah-penceramah berkenaan supaya menghentikan tindakan memprovokasi isu-isu yang melibatkan hukum hakam kerana walaubagaimana tinggi sekali pun ilmu dan kepakaran seseorang itu, adalah lebih bijak jika ianya disalurkan dengan cara yang beradab dan memahami terlebih dahulu peranan dan tugas pihak berkuasa serta kaedah dalam berfatwa atau mengeluarkan hukum supaya tidak mengundang kekacauan kepada ramai pihak.

Sekian, terima kasih.

PROF. EMERITUS TAN SRI DATO' DR. ABD. SHUKOR BIN HJ. HUSIN
Pengerusi
Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia
14 Februari 2014

BERITA: JAWATANKUASA FATWA MKI BINCANG ‘HATI KE HATI’ DENGAN SC DAN PNB

Baru-baru ini ekoran daripada isu-isu yang ditimbulkan mengenai hukum pelaburan Amanah Saham Nasional (ASN) dan Amanah Saham Bumiputra (ASB) oleh beberapa pihak di media sosial dan ceramah-ceramah, satu perbincangan Meja Bulat antara Jawatankuasa Fatwa, Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI) selaku badan pengeluar dan penyelaras hukum di peringkat kebangsaan telah diadakan dengan pihak pengurusan tertinggi Permodalan Nasional Berhad (PNB) bersama Majlis Penasihat Syariah PNB serta Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) bagi mendapatkan maklumat terkini dan mengenalpasti permasalahan yang timbul di antara semua pihak berautoriti agar ‘kekecohan’ yang berlaku akibat provokasi dan tindakan pihak-pihak berkaitan tidak berterusan dan dapat ditangani dengan bijak.

Ini bukan merupakan perbincangan kali pertama Jawatankuasa Fatwa MKI dengan pihak PNB dan SC, malah ia sentiasa diadakan bagi memudahkan Jawatankuasa menyalurkan pandangan dan mendapat maklumat dan perkembangan terkini aktiviti pelaburan PNB serta dasar dan garis pengukuran yang digunakan oleh pihak SC.

Hubungan kerjasama dan persefahaman yang sangat baik di antara Jawatankuasa Fatwa MKI dengan pengurusan tertinggi badan-badan kewangan dan pelaburan seperti Bank Negara Malaysia, ISRA, SC dan PNB telah memudahkan Jawatankuasa Fatwa MKI dalam membuat keputusan hukum dalam isu-isu berkaitan kewangan dan pelaburan Islam. Setakat ini tiada isu dalam pelaksanaan fungsi semua pihak berautoriti. Perbincangan Meja Bulat yang telah diadakan pada 3 Februari 2014 itu juga diadakan bersempena dengan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa MKI Kali Ke-105 yang berlangsung pada 3 hingga 5 Februari 2014 di Sama-Sama Hotel KLIA Sepang.

Perbincangan yang bermula pada jam 3.30 petang tersebut telah dihadiri oleh pengurusan tertinggi PNB yang diketuai oleh Y. Bhg. Dato' Idris Kechot, Timbalan Presiden PNB, Tuan Hj. Faisol Ahmad, Ketua Bahagian Audit PNB, Encik Nik Norishki Thani, Head Special Project PNB (Islamic) bersama beberapa pegawai kanan PNB. Turut hadir Pengerusi Majlis Penasihat Syariah PNB Y. Bhg. Dato' Dr. Abd. Halim Ismail (bekas peneraju/pengasas Bank Islam Malaysia Berhad) bersama dua ahli iaitu Y. Bhg. Dato' Noh bin Gadut, Penasihat Majlis Ugama Islam Johor dan Y.B. S.S. Dato' Hj. Mohamad Shukri bin Mohamad, Mufti Kelantan . Ahli Majlis Penasihat Syariah PNB yang lain yang tidak dapat hadir ialah Y.B. S.S. Tan Sri Dato' Seri Harussani bin Zakaria, Mufti Perak dan Y. Bhg. Prof. Dato' Paduka Dr. Mahmood Zuhdi bin Hj. Abd. Majid. Manakala pihak SC diwakili oleh Y. Bhg. Encik Zainal Izlan bin Zainal Abidin, Pengarah Eksekutif , Jabatan Pasaran Modal Islam SC dan Y. Bhg. Dr. Nordin Ngadimon , Jabatan Pasaran Modal Islam SC.

Perbincangan Meja Bulat yang berlangsung selama hampir dua setengah jam tersebut telah membincangkan secara serius isu yang berlaku dan pihak SC amat kesal di atas penyebaran surat yang dikeluarkan oleh SC oleh pihak berkaitan kerana kenyataan dalam surat tersebut adalah merujuk kepada pertanyaan pihak penanya dan sepatutnya tidak boleh disebarluaskan. Di peringkat agensi, semua pihak memahami dengan jelas peranan masing-masing dan kedudukan hukum isu ASN dan ASB ini juga dilihat dari perspektif yang berbeza, dan tidak

timbul dakwaan yang mengatakan bahawa SC lebih berautoriti dalam mengeluarkan hukum ASB dan ASN ini, hanya pihak-pihak tertentu yang memprovokasikan isu ini.

Semua ahli perbincangan juga berpuashati dengan peningkatan yang dicapai dan usaha bersungguh-sungguh yang sedang dilakukan oleh pihak PNB dengan kepakaran Majlis Penasihat Syariahnya untuk memastikan kesempurnaan Islamic Compliance dalam semua aspek pelaburan dilaksanakan dengan penuh tanggungjawab, sepetimana yang dikehendaki oleh Muzakarah Jawatankuasa Fatwa MKI.

Setakat ini 8 buah negeri telah mengeluarkan fatwa mengharuskan pelaburan dalam ASN dan ASB kecuali Selangor dan Pulau Pinang. Manakala negeri-negeri yang belum memfatwakan hukum pelaburan dalam ASN dan ASB iaitu Johor, Melaka, Perlis dan Sabah, negeri-negeri ini merujuk/menggunakan keputusan muzakarah Jawatankuasa Fatwa MKI. Perbincangan Meja Bulat yang diadakan juga bersetuju supaya penjelasan yang terperinci disediakan bagi memudahkan umat Islam memahami isu tersebut.